

HIDAYAH

Perpaduan, toleransi kunci dalam masyarakat majmuk



USTAZ SYAFIQ MARDI

Memandangkan akhir tahun 2024 semakin dekat, sebahagian masyarakat Muslim Singapura akan sibuk membuat persiapan bercuti ataupun menunaikan umrah.

Ada juga yang sibuk menyiapkan keperluan sekolah anak-anak dan sebagainya.

Dalam kesibukan, jangan pernah kita lupa untuk memperbaharui niat dan menanamkan azam baru dalam diri kita supaya menjadi hamba Allah *swt* yang dicintai dan diredai.

Harus kita ingat sebagai rakyat Singapura, ajaran Nabi *saw* dalam Islam bukan hanya untuk umatnya sahaja.

Nilai murni yang diajarkan Baginda *saw* bersifat sejagat.

Ini seperti kewajipan menjaga hati teman dan jiran tetangga agar tidak menyakiti mereka, meski berlainan agama atau bangsa.

Nabi Muhammad *saw* adalah contoh terbaik dalam menghormati dan mengasihi mereka yang berlainan agama.

Keperibadian dan akhlak Baginda sering kali dijadikan teladan, dengan beliau sentiasa berlaku adil dan baik dengan semua lapisan masyarakat.

Bahkan melalui salasilah keturunan Baginda, kita dapat lihat pentingnya keharmonian hidup sesama berbilang agama.

Hatta sebelum kelahiran Nabi *saw*

sendiri, latar belakang keluarga dan masyarakatnya turut mencerminkan kehidupan yang penuh toleransi dan saling menghormati.

Ini kerana jika kita perhatikan salasilah Nabi *saw*, kita akan mendapati bahawa ia bersambung kepada Nabi Ibrahim *as*.

Daripada keturunan Nabi Ibrahim *as*, muncul tiga agama samawi – Yahudi, Kristian dan Islam.

Dalam erti kata lain, walaupun terdapat perbezaan dalam konsep kepercayaan, Islam memiliki banyak persamaan dengan agama Yahudi dan Kristian.

Ini kerana semuanya kembali kepada ajaran Nabi Ibrahim *as*.

Hubungan ini membuktikan asas bersama dalam ketiga-tiga agama, terutama dalam nilai kepercayaan kepada Tuhan dan prinsip moral yang diajarkan oleh para nabi.

Atas kesedaran itu dan sifat toleransi yang tinggi, para sultan Islam, terutamanya Sultan Kerajaan Uthmaniyyah pada zaman pentadbiran Kanuni Sultan Süleyman ke atas Palestin, mengarahkan agar sebuah khat di atas pintu Baitulmakdis diukir.

Dengan itu, kalimah *la ilaha illallah, Ibrahim khalilullah* diukir, yang bermaksud “tiada Tuhan selain Allah, dan Ibrahim adalah kekasih-Nya”.

Tujuan khat tersebut adalah untuk mendidik rakyat di bawah pemerintahan Uthmaniyyah, tanpa mengira bangsa atau agama, agar saling menghormati antara satu sama lain.

Ini sesuai dengan ajaran Islam berdasarkan firman Allah *swt* dalam Surah An-Nisa’, ayat 125:

“Dan siapakah yang lebih baik agamanya daripada orang yang ikhlas menyerahkan dirinya kepada Allah, sedang dia pun mengerjakan kebaikan dan dia mengikuti agama Ibrahim yang lurus? Dan Allah mengambil Ibrahim menjadi



Kewajipan jaga hati teman dan jiran tetangga meski berlainan bangsa, agama

kesayangan-Nya.”

Oleh itu, ajaran Islam, Kristian dan Yahudi semuanya berkait rapat dengan Nabi Ibrahim *as*.

Dalam erti kata lain, tidak menghormati agama lain seperti Kristian atau Yahudi bermakna kita juga tidak menghormati moyang Nabi Muhammad *saw*, iaitu Nabi Ibrahim *as*.

Maka, dengan mengambil iktibar daripada salasilah Nabi *saw*, umat Islam dapat menerapkan sifat ihsan dan toleransi terhadap bangsa lain yang bukan seagama atau sebangsa.

Rakyat Islam Singapura juga perlu berbuat baik kepada seluruh masyarakat majmuk di sini.

Andai sifat ihsan tidak dipupuk dalam diri kita sebagai seorang Muslim, apakah erti Islam itu sendiri?

Jika Nabi *saw* tidak memiliki sifat ihsan dalam menyebarkan Islam, sudah pasti cahaya Islam tidak akan sampai ke bumi Nusantara.

Semoga 2025 yang akan menjelang ini, kita dapat menyedari pentingnya perpaduan kaum dan memastikan Singapura terus aman dan sentosa.

► Penulis ialah mantan Pembantu Penyelidik di Lembaga Perpustakaan Negara (NLB) mengenai hubungan Uthmaniyyah-Singapura dan memiliki ijazah Sarjana daripada Jabatan Sejarah dan Kesenian Islam di Universiti Cukurova di Adana, Turkey. Beliau juga telah mengikuti program Sijil Possiswazah Islam dalam

“Nabi Muhammad *saw* adalah contoh terbaik dalam menghormati dan mengasihi mereka yang berlainan agama.

Keperibadian dan akhlak Baginda sering kali dijadikan teladan, dengan beliau sentiasa berlaku adil dan baik dengan semua lapisan masyarakat.”

– Penulis.

Masyarakat Kontemporari (PCICS) yang dijalankan Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) dan tersenarai di bawah Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS). Penulis kini merupakan calon Doktor Falsafah (PhD) di Jabatan Pengajian Melayu Universiti Nasional Singapura (NUS).